

Perjuangan ulama perkasakan jati diri Islam

Sumbangan, pengorbanan besar pastikan akidah ummah kekal utuh

Oleh Latifah Arifin
latifah@bh.com.my

Perjuangan menuntut kemerdekaan perlu dilihat pada sumbangan ulama dalam memelihara dan memperkasakan akidah serta membela Islam di Tanah Melayu.

Kesan sumbangan ulama itu cukup besar kepada umat Islam kerana selain kejayaan mengecapi kemerdekaan, jati diri Islam kekal terpelihara hingga ke hari ini.

Pengerusi Pusat Akidah dan Keamanan Global, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Prof Madya Dr Jaffary Awang, berkata sumbangan ulama Melayu bukan sekadar menentang penjajah secara fizikal.

"Ini kerana mereka sebenarnya lebih ke depan dengan melihat jalan memperkasakan jati diri Islam perlu dilaksanakan dengan memberikan kefahaman agama yang baik.

"Sejarah mencatatkan bagai-

mana masyarakat Melayu tidak bersedia menghantar anak mereka ke sekolah Inggeris kerana bimbang dipengaruhi ajaran Kristian.

"Ini menggambarkan keprihatinan mereka terhadap akidah dan sudah tentu kesedaran ini ditiupkan ulama yang waktu itu saling bekerjasama dan berdamping dengan pemimpin," katanya kepada Ibrah di UKM di sini.

Jaffary berkata, kemunculan institusi pendidikan pondok diterajui ulama antara lain menggunakan wadah pendidikan sebagai benteng bagi membina kekuatan orang Melayu dan memperkukuhkan kedudukan Islam di Tanah Melayu.

"Pondok tumbuh dengan begitu banyak di Tanah Melayu sebelum kedatangan British lagi hingga madrasah yang ditubuhkan menjadi pusat kegiatan bagi golongan ulama menyemarakkan kesedaran dan mengatur strategi menentang penjajah.

"Menurut ilmuwan, Allahyarham Tan Sri Prof Emeritus Dr Awang Had Salleh, apabila British datang, institusi pondok menjadi asas mempertahankan Islam, bahkan membangkitkan semangat juang tinggi untuk mencapai kemerdekaan dalam minda masyarakat," katanya.

Selain itu katanya, dalam menuju kemerdekaan, ulama juga banyak memainkan peranan bukan sahaja dalam menyebarkan dakwah, bahkan

memperjuangkan hak dan kebajikan rakyat.

"Tok Ku Paloh di Terengganu berusaha mengekang pengaruh British daripada campur tangan dalam pentadbiran, manakala Haji Abdul Rahman Limbong menentang undang-undang tanah kerana membebaskan rakyat.

"Tokoh kemudian seperti Syed Syekh Al-Hadi sangat responsif dalam memperjuangkan supaya wanita dan anak perempuan beroleh hak sama untuk mendapatkan pendidikan.

"Beliau turut membina dua sekolah, iaitu Madrasah Al-Hadi di Melaka pada 1915 tetapi mendapat tentangan hebat.

"Namun beliau tidak patah semangat, bahkan menubuhkan pula Madrasah Al-Mashoor al-Islamiah di Pulau Pinang," katanya.

Tambahnya, pengaruh besar ulama dalam gerakan kemerdekaan dapat juga dibuktikan apabila tokoh ulama besar negara yang berasal dari Pulau Pinang, Sheikh Abdullah Fahim menjadi antara individu bertanggungjawab menentukan tarikh kemerdekaan negara.

"Ia jelas memberikan gambaran kepada kita bagaimana gerakan kemerdekaan Tanah Melayu itu mempunyai hubungan amat erat dengan golongan ulama hingga tarikh penentuan merdeka, iaitu 31 Ogos turut meminta pandangan dari-

pada ulama," katanya.

Justeru, Jaffary berkata, tidak hairanlah British menggambarkan kebangkitan ulama dengan mencipta pelbagai persepsi negatif termasuk menaikkan mereka sebagai pengkhianat negara.

"Golongan ulama ini kebanyakannya menuntut di Makkah dan ada yang belajar di Universiti Al-Azhar. Maka, selepas kembali ke tanah air, ilmu yang mereka peroleh itu menjadi kekuatan untuk menentang penjajah.

"Saya kira penentangan ini disebabkan sistem dan pendekatan dibawa oleh penjajah tidak menguntungkan bagi perkembangan fikrah Islam," katanya.

Beliau berkata, umat Islam perlu menyedari betapa besarnya pengorbanan ulama silam dan tidak mudah terpengaruh dengan penulisan tidak sahih apatah lagi sekiranya datang daripada sumber orientalis.

"Generasi hari ini perlu tahu sejarah sebenar mengenai sumbangan besar ulama Melayu kita yang merangkumi pelbagai bidang.

"Pemikiran besar ulama ini perlu dijadikan arus perdana kerana masih banyak pemikiran besar mereka yang tersimpan perlu dikaji semula supaya kita dapat menghargai dan mengetahui peranan ulama dalam konteks kemajuan dan kehidupan masyarakat," katanya.



Ini menggambarkan keprihatinan mereka terhadap akidah dan sudah tentu kesedaran ini ditiupkan ulama yang waktu itu saling bekerjasama dan berdamping dengan pemimpin.

Prof Madya Dr Jaffary Awang, Pengerusi Pusat Akidah dan Keamanan Global, Fakulti Pengajian Islam, UKM

Tokoh Ulama Pejuang Kemerdekaan

TOK JANGGUT (KELANTAN)

• Memperjuangkan hak dan ketuanan Melayu Islam susulan campur tangan British di Kelantan menerusi Perjanjian Bangkok pada tahun 1909
• Pada 24 Mei 1915, Tok Janggut bersama kira-kira 1,000 pengikutnya menyerang British di Pasir Puteh, namun beliau meninggal dunia dalam peristiwa itu.

HAJI ABDUL RAHMAN LIMBONG (TERENGGANU)

• Terbahit dalam gerakan menentang penjajah British apabila Penasihat British di Terengganu mengenakan pelbagai cukai yang menindas rakyat
• Bertolak kebangkitan menentang British pada tahun 1919 dan akibat daripada itu, Abdul Rahman dibuang negeri ke Makkah dan beliau meninggal dunia di sana.

KIYAI HAJI SALLEH (JOHOR)

• Pelopor perjuangan masyarakat Melayu Muslim menentang kekejaman kolonial yang dihebohkan sebagai Bintang Tiga
• Hanya berbeza-bekal senjata berupa pasang panjat, Kiyai Haji Salleh dan penduduk tempatan menyerang kubu Bintang Tiga di sekitar Muar dan Batu Pahat dan selepas kejadian itu kekejaman terhadap orang Islam di sana mulai berkurangan.

